

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
MAKAN MALAM, PERSATUAN MURID-
MURID TUA, MAKTAB SULTAN ABU BAKAR,
JOHOR BAHRU, DI HOTEL JAYA PURI,
PETALING JAYA, PADA HARI SABTU,
16HB. DISEMBER, 1978 JAM 8.00 MALAM.



1. Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Mohd. Ghazali Seth,
Presiden, Persatuan Murid-Murid Tua,
Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru.
2. Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir Yusof
3. Yang Berhormat Dato Lee San Choon,
4. Yang Berhormat Dato Musa, dan
5. Yang Berhormat Dato Mohamed Rahmat.
6. Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Ibrahim Ismail,
7. Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian.

kepada Tuhan
Saya bersyukur ~~ke hadrat Allah Subhanahu~~

~~Wataala~~ kerana dapat bersama-sama hadir di majlis yang permai ini. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan, kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur, khususnya kepada Presiden

Persatuan ini, iaitu, Tan Sri Jeneral Mohd. Ghazali Seth, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya berdua pada malam ini.

2. Sesungguhnya, sapertimana yang dikatakan oleh Presiden tadi, bahawa suasana meriah pada malam ini, dapat mengingatkan kita kembali kepada peristiwa-peristiwa ~~penting~~, pahit dan manis, yang telah berlaku semasa kita di bangku sekolah. Kini, kebanyakan kita telah mencapai kejayaan dan kedudukan ~~yang tinggi~~ dalam jawatan, samada dalam Perkhidmatan Awam, politik, mahupun dalam sektor swasta. Sedikit sebanyak, kita telah

... 3/-

dapat bersama-sama menyumbangkan khidmat kita kepada negara.

3. Kepada ^{kebangsaan} ~~sebilangan~~ kita, jalan yang telah kita tempohi, bagi mencapai kejayaan ini, bukanlah senang, tetapi sukar dan penuh dengan dugaan dan cabaran. Bagitulah juga dengan keadaan yang dihadapi oleh ~~sebilangan~~ murid dan pelajar samasa dalam persekolahan. Kepada mereka ini, kedudukan dan kejayaan yang telah dicapainya sekarang ini, sentiasa dihargainya serta disanjung tinggi.

...4/-

4. Kepada mereka yang lebih bernasib baik, samada dalam masa persekolahan atau pun dalam mencapai kejayaan dan kedudukan yang dinikmatinya sekarang, tentu tidak lupakan kepada gulongan yang kurang bernasib baik, yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Setiap kita, memanglah hendak berkhidmat kepada masyarakat, serta berbakti kepada negara.

5. Semangat ingin berkhidmat inilah, yang telah membawa kita semua dalam Persatuan ini. Disamping dapat kita mengukuhkan "esprit de corps" di kalangan murid-murid tua, maka dapatlah juga, sedikit sebanyak, kita menghulur bantuan kepada "fellow collegians" yang sedang belajar di Maktab ... 5/-

Sultan Abu Bakar sekarang ini, yang memerlukan bantuan dan pertolongan supaya, ----- sebagaimana yang dikatakan oleh Presiden tadi ----- kita "dapat meninggikan inspirasi penuntut-penuntut anak Johor ini, dalam bidang pelajaran dan cita-cita mereka."

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Usaha persatuan mewujudkan satu Tabong

Pelajaran merupakan satu langkah yang mulia.

Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa

ini, khususnya kepada Pengerusinya, Dr. Chian Heng

Keng, kerana telah dapat mengumpulkan wang

sebanyak yang disebutkan tadi. Sesungguhnya, ini

merupakan satu permulaan, yang amat menggalakkan. Saya harap, semua pihak yang mempunyai minat dan semangat, terhadap kepentingan pelajaran, supaya sama-sama berusaha, kearah pencapaian matalamat yang lebih tinggi lagi. Kepada hartawan, dermawan dan syarikat-syarikat swasta, saya menyeru supaya mereka lebih bermurah hati, menderma kepada Tabung Pelajaran, Persatuan Murid-Murid Tua, Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru ini. Mudah-mudahan, dapatlah kita bersama-sama melegakan kesulitan, yang dihadapi oleh penuntut-penuntut yang kurang bernasib baik ini.

7. Dalam hubungan ini, pada hemat saya, eloklah juga kita membuka pintu Persatuan ini, supaya murid-murid tua Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru, yang sedang berkhidmat di lain-lain negeri di tanah air kita, dapat menyertai kegiatan serta melibatkan diri, dalam apa jua usaha yang berfaedah, yang dianjurkan oleh Persatuan ini. ✖

~~Mungkin lebih ramai ahli, maka lebih banyak pandangan dan fikiran yang dapat dikemukakan demi kepentingan mencapai matalamat Persatuan ini. Dari segi tenaga pula, dengan bertambahnya bilangan ahli ini, maka mudahlah juga sesuatu projek itu, hendak dilaksanakan atau di jayakan ✖~~ Saya harap, apa jua usaha yang hendak

** Saya sangat tertarik hati dengan semangat ahli² Persatuan ini, menawarkan kerjasama dan bantuan profesional dan management, kepada Kerajaan negeri Johor dalam rancangan nya membina sebuah asrama di Kuala Lumpur

dijalankan, ianya mestilah boleh mendatangkan faedah kepada 'Alma mater' kita, dan penuntut-penuntut yang kurang bernasib baik yang sedang belajar di dalamnya.

8. ** - lihat muka 8A

9. English text.

10. ~~8.~~ Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan

terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada

semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan

Majlis pada malam ini.

Terima kasih.





No Siri	409
No Penerimaan	47/81